

16 JAN 2002
TAJOL-RESORT
PASIR SALAK RESORT AKAN BEROPERASI MAC INI

IPOH, 16 Jan (Bernama) -- Pasir Salak Riverine Resort yang terletak di Kampung Gajah, 69 km dari sini yang ditutup September tahun lalu kerana mengalami kerugian, akan diambil alih oleh pengurusan Seri Bayu Beach Resort mulai Mac ini.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali berkata, resort yang terletak berhadapan dengan Sungai Perak itu, sebelum ini diuruskan oleh Perak Riverine Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Yayasan Perak tetapi mengalami kerugian berikutan kekurangan pengunjung.

Resort itu, yang terletak bersebelahan Kompleks Sejarah Pasir Salak, mula dibina pada Mac, 1997 dan siap dua tahun kemudian dengan kos RM15 juta.

Ia pada mulanya diuruskan oleh Seri Bayu Beach tetapi diambilalih oleh Perak Riverine pada Julai, 2000.

Tajol Rosli berkata, Yayasan Perak akan mengenakan bayaran RM10,000 sebulan kepada pengurusan baru itu melalui perjanjian baru, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Beliau berkata, kerja-kerja pemulihan resort berkenaan kini sedang dilakukan oleh pengurusan baru yang dimiliki oleh Dzulkarnain Mohd Nordin dan dijangka akan beroperasi semula awal Mac ini.

Katanya, beliau berharap resort itu akan menjadi salah satu tarikan pelancong yang sebelum ini sering didatangi oleh pelancong dari Hong Kong dan Taiwan.

Beliau berkata, bagi menarik pelanggan dan pelancong, resort itu akan menawarkan beberapa pakej menarik, antaranya rawatanurut bagi ibu yang baru bersalin terutama bagi pengunjung dari luar Perak.

Bagi pengunjung beragama Islam yang telah bersara, pakej khas untuk mendalami agama akan diadakan dengan mengadakan aktiviti ceramah serta kuliah subuh, katanya.

Beberapa aktiviti di Sungai Perak akan turut diadakan untuk pengunjung dan pelancong yang ingin menikmati keindahan sungai itu.

Sementara itu, beliau berkata Perak menyambut baik saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung pembinaan gerai-gerai tetap untuk penjaja dan peniaga kecil di semua bandar seluruh negara bagi membantu menaikkan taraf sosio-ekonomi golongan itu.

"Kita juga akan mengikut langkah tersebut dan saya telah meminta Setiausaha Kerajaan Negeri mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai bagi tujuan itu," katanya.

Keutamaan akan diberikan kepada gerai-gerai di bandar dan pekan seperti di Pulau Pangkor, Lumut, Taiping atau mengikut tempat yang sesuai.

Menurutnya langkah itu sejajar dengan hasrat kerajaan untuk tidak menghapuskan kegiatan penjaja dan peniaga kecil di tepi-tepi jalan.

--BERNAMA
PBA NHD